

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

11hb. November, 1975.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 14 TAHUN 1975

Mengosongkan Rumah Kerajaan Apabila Bersara

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan kepada peraturan di bawah [Perintah Am Bab 'E'](#) mengenai perkara di atas dengan tujuan mengingatkan semua pihak yang berkenaan untuk menunaikan kewajipannya.

2. Menurut [Perintah Am 'E' 33\(a\)](#) seseorang pegawai yang mendiami sesebuah rumah Kerajaan mestilah mengosongkan rumah tersebut di hari akhir ia bekerja sebelum bersara melainkan jika kebenaran diberi oleh Pegawai Perumahan menurut peruntukan di bawah perenggan (b) atau (c) [Perintah Am 'E' 33](#) itu dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja untuk terus menduduki rumah tersebut selama tidak lebih daripada 30 hari lagi. Bagi maksud penguatkuasaan peruntukan Perintah Am ini tiap-tiap Ketua Jabatan dipertanggungjawabkan oleh [Perintah Am 'E' 34](#) (a) bagi melaporkan kepada Pegawai Perumahan 3 bulan sebelum persaraan seseorang pegawai di bawah tadbiran jabatannya yang mendiami di rumah Kerajaan, nama, jawatan dan tarikh persaraan pegawai itu.

3. Peraturan bagi memberi laporan persaraan pegawai seperti yang dimaksudkan itu telah tidak dilakukan oleh beberapa Jabatan. Dengan keadaan yang demikian itu Pegawai perumahan tidak dapat memberi notis kepada pegawai yang akan bersara untuk mengosongkan rumah Kerajaan dalam masa yang tertentu dan dengan sebab itu beberapa orang pegawai yang telah bersara masih lagi tinggal menduduki rumah-rumah Kerajaan dan menimbulkan berbagai masalah. Oleh itu Ketua-ketua Jabatan adalah diminta untuk mengambil perhatian mengenai perkara tersebut dan dengan ini diingatkan supaya memberitahu Bahagian Pengurusan Bangunan-bangunan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri tiga bulan sebelum seseorang pegawai di bawah tadbiran Jabatannya yang menduduki rumah Kerajaan akan bersara daripada perkhidmatan Kerajaan.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD TAJUDDIN BIN

MOHD. DARUS)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua-ketua Jabatan.